

## **ASAS-ASAS MEDIA PENYIARAN BERTERASKAN ISLAM<sup>1</sup>**

**Mohd Syahmi Bin Mohd Miswan<sup>2</sup>**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

11800 Pulau Pinang

E-mail: syamieswan@hotmail.com

### **ABSTRAK**

Media penyiaran merupakan salah satu bentuk komunikasi. Media penyiaran juga merupakan antara penyumbang besar dalam mempengaruhi dan membentuk tingkah laku masyarakat. Dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat selari dengan ajaran Islam, masyarakat memerlukan media penyiaran berteraskan Islam. Media penyiaran berteraskan Islam di sini bermaksud satu alat komunikasi untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat berasaskan norma-norma tertentu yang ditetapkan oleh Islam. Berdasarkan kepentingan media penyiaran berteraskan Islam ini, maka apakah sebenarnya asas-asas yang diperlukan bagi sebuah media penyiaran berteraskan Islam? Bagi memperoleh hal tersebut, kertas kerja ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data-data sekunder. Kemudian, analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data-data tersebut. Hasilnya, media penyiaran berteraskan Islam diasaskan daripada tiga prinsip iaitu tauhid, syariah, dan akhlak. Ketiga-tiganya asas ini berperanan dalam membentuk peribadi mulia pelaku media penyiaran berteraskan Islam, membentuk dasar media penyiaran berteraskan Islam yang selari dengan Islam, dan menjamin penyampaian maklumat yang benar dan tepat.

**Kata Kunci:** Konsep, Media, Penyiaran, Berteraskan Islam

### **Pendahuluan**

Media penyiaran merupakan salah satu bentuk komunikasi. Media penyiaran juga merupakan antara penyumbang besar dalam mempengaruhi dan membentuk tingkah laku masyarakat. Umumnya media dibahagikan kepada tiga jenis iaitu audio, visual, dan audio visual. Pembahagian media diperincikan lagi dengan kewujudan media cetak, media elektronik, media penyiaran dan sebagainya.

Umumnya media didefinisikan sebagai alat penerangan atau perantara komunikasi (perhubungan) seperti radio, televisyen, dan akhbar (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2007; Hussain Unang, 1994; Proctor, 2007). Media juga berasal daripada perkataan medium yang merujuk kepada satu jalan atau cara di mana dengannya komunikasi dapat dilakukan dan sebagai satu saluran untuk memberi maklumat (Hancock, 1970). Beckert (1992) juga memberikan maksud media sebagai satu kumpulan

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini akan dibentangkan di *International Conference on Social, Political, Governmental & Communication Sciences (ICSPGCS) 2017*, anjuran Fakulti Sains Politik dan Sosial, Universitas Muhammadiyah Jember, Jember, Indonesia pada 3 - 4 April 2017.

<sup>2</sup> Mohd Syahmi Mohd Miswan merupakan calon Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia.

kerja yang disusun untuk menyampaikan mesej yang sama kepada kumpulan yang ramai pada masa yang sama.

Perubahan gaya hidup kini yang berorientasikan teknologi dan kepantasan maklumat melalui media penyiaran memberi kesan dan cabaran terhadap penghayatan agama, nilai, budaya, akhlak, pemikiran dan gaya hidup masyarakat. Media penyiaran juga memainkan peranan penting dalam era globalisasi ini. Pelbagai sektor dan organisasi menggunakan media sebagai saluran dalam menyampaikan idea dan perkhidmatan kepada pengguna (Moscow, 1998; Arsyad, 2002; Cangara, 2006). Islam juga tidak menghalang penggunaan media dalam kehidupan. Media berteraskan Islam bertujuan mewujudkan asas budaya yang cukup bagi memenuhi keperluan penerima atau individu, sama ada mereka beragama Islam atau bukan Islam (Munirah & Nik Mohd Zaim, 2014). Penyumbang utama terhadap media berteraskan Islam ialah para ulama Islam dan cendekiawan yang memahami medium ini. Mereka menggunakan teknologi terkini dalam menyampaikan mesej Islam dan meletakkan Islam dan tamadun mereka yang mendapat perhatian. Jadi apakah asas-asas media penyiaran berteraskan Islam?

Oleh itu, kertas kerja ini secara khusus dilakukan untuk melihat dan mengenal pasti asas-asas media penyiaran berteraskan Islam. Perbincangannya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu mengapa perlunya media penyiaran berteraskan Islam, asas-asas media penyiaran berteraskan Islam dan peranan institusi media dalam media penyiaran berteraskan Islam.

### **Kepentingan Media Penyiaran Berteraskan Islam**

Media penyiaran merupakan salah satu daripada cabang komunikasi dan teknologi. Menurut Dickson (1974), penggunaan perkataan teknologi telah digunakan dalam pengertian sosial yang lebih luas dengan cara menunjukkan hubungan antara bahasa, perkataan dan pengucapan. Sidik Baba (1997) pula mendefinisikan teknologi sebagai suatu aspek penghasilan sains yang sifatnya memudahkan sesuatu. Berdasarkan pengertian Dickson (1974), media adalah sebuah teknologi kerana media merupakan sebuah bentuk dan saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Kenyataan Grossberg *etal.* (2006) juga menyokong pengertian Dickson (1974). Grossberg *etal.* (2006) mengatakan media merupakan institusi yang berfungsi untuk mengembangkan kebebasan berpendapat dan menyebarkan informasi kepada semua lapisan masyarakat. Oleh itu, media penyiaran merupakan alat atau perantara yang digunakan untuk menyampaikan maklumat daripada seseorang kepada orang ramai.

Tidak dinafikan media massa sangat berpengaruh dalam menarik dan meyakinkan pengguna agar setia dan sentiasa bersama mereka. Contohnya, industri pengiklanan menggunakan media sebagai alat untuk mengiklankan produk dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Secara tidak langsung, dengan adanya iklan-iklan tersebut, masyarakat akan tertarik dan mencari media yang mengiklankan produk dan perkhidmatan tersebut. Media dianggap mampu mengendalikan, mengatur, dan menyusun kembali nilai dan norma masyarakat. Oleh kerana media terlibat juga dengan hal-hal sosial, maka sudah pasti institusi media tidak terlepas untuk saling berkait dengan hal pembangunan masyarakat tidak kira Islam atau bukan Islam.

Realiti media di dunia kini sangat membimbangkan. Senario pada masa kini memperlihatkan banyak maklumat yang disebarkan melalui media berlaku dengan agak bebas dan terbuka. Lambakan media yang membekalkan rancangan berbentuk hiburan yang melalaikan dan perolehan maklumat palsu juga memberi kesan kepada pembentukan diri masyarakat. Media bukan sahaja tidak mendidik

dan membina masyarakat menjadi lebih bertamadun dan beradab malah merosakkan jatidiri dan pemikiran terutamanya golongan muda (Berita Harian, 2015). Buktinya bilamana viral di laman sosial gosip-gosip aib individu, tingkah laku yang menjejaskan moral dan akhlak terutama yang beragama Islam seperti isu gadis Melayu Islam dipeluk oleh artis pop Korea (K-pop) yang jelas bukan muhrimnya (Harakahdaily, 2015). Pengaruh media turut menyumbang dalam insiden terbabit. Selain itu juga, penyebaran fitnah dan ideologi menyimpang yang berleluasa juga amat membimbangkan. Penyebaran fahaman Wahabi dan Syiah yang menyeleweng daripada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah semakin meluas di Malaysia menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Astro AWANI, 2013; Utusan Malaysia, 2013).

Permasalahan yang timbul akibat ketidaklestarian media ini diperluaskan dengan pelbagai medium media tidak kira sama ada yang bercetak, media baru, media penyiaran dan sebagainya. Menurut Zulkiplee Abd Ghani (2008), program yang disiarkan di TV lebih bersifat sekular jika dibandingkan dengan perspektif Islam. Hal ini terjadi kepada negara-negara Islam yang menjadikan program-program atau rancangan Barat sebagai panduan dan ikutan utama mereka. Maka institusi dan pelaku media seharusnya memainkan peranan yang penting dalam mengawal gejala permasalahan ini. Kelestarian media berteraskan Islam bukan sahaja mengawal permasalahan tetapi mencegah permasalahan.

Oleh itu, pentingnya pelaku dan institusi media penyiaran berteraskan Islam diselaraskan pembentukan dan pemahaman mereka dalam memahami Islam dan kaedah penyampaian yang tidak bertentangan dengan Islam. Media penyiaran berteraskan Islam sangat penting kerana golongan yang menguasai media mempunyai kuasa besar dalam membangunkan negara dan masyarakat (Siti Aminah, 2011). Kelangsungan media penyiaran berteraskan Islam dalam pembangunan menjurus kepada asas-asas nilai, konsep dan prinsip-prinsip yang bersifat sejagat, tetap, dan menyeluruh yang terkandung dalam ajaran Islam. Asas-asas utama dalam media penyiaran berteraskan Islam ialah tauhid, syariah, dan akhlak.

### **Asas-Asas Media Penyiaran Berteraskan Islam**

Media penyiaran yang digunakan pada hari ini perlu diolah dan dibangunkan berasaskan pematuhan kepada asas-asas dan beberapa prinsip bagi memastikan kebaikannya dapat dimanfaatkan oleh manusia sejagat. Terdapat tiga asas utama media penyiaran berteraskan Islam iaitu tauhid, syariah, dan akhlak.

#### **1. Tauhid**

Antara perkara paling utama yang menjadi teras dalam Islam adalah tauhid. Tauhid menurut bahasa adalah meyakini keesaan Allah SWT atau menganggap Tuhan hanya ada satu dan tiada yang lain. Menurut istilah pula, tauhid bermaksud di dunia hanya terdapat satu Tuhan, iaitu Tuhan Pencipta Seluruh Alam. Maksudnya, kita mengakui bahawa tiada yang dipanggil sebagai Tuhan atau disembah sebagai Tuhan melainkan Allah SWT sebagaimana kenyataan al-Quran (al-Dharyaat 56: 51):

*“Dan tidaklah sekali-kali Aku mencipta jin dan manusia itu, melainkan agar mereka berbakti kepada-Ku semata-mata”*

Prinsip tauhid meletakkan manusia sebagai hamba yang bertanggungjawab melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Allah SWT dengan meyakini sepenuh hati bahawa tiada tuhan selain Allah. Menurut Sabri Haron (2009), dalam usaha untuk membentuk falsafah media penyiaran berteraskan Islam, segala perancangan perlu mengikut beberapa garis panduan yang telah ditetapkan oleh al-Qur'an dan Hadith. Marzuki Sepiaail, Raja Fakhrihan Mohd Shukri, dan Alias Mat Saad (2016) menyatakan bahawa, prinsip tauhid bukan bermakna sekadar menghitung sifat dua puluh bagi Allah SWT sahaja tetapi media penyiaran mestilah tidak lari daripada ajaran tauhid iaitu membawa audien atau golongan sasaran kepada menghayati dan menambahkan ketaqwaan mereka kepada Allah SWT. Prinsip tauhid ini mesti diaplikasikan dalam apa jua ruang lingkup aktiviti manusia termasuklah media.

Islam adalah agama tauhid. Tauhid secara umumnya merangkumi kepercayaan (akidah), pengamalan (syariah), dan kerohanian (akhlak) (Marzuki Sepiaail, Raja Fakhrihan Mohd Shukri, dan Alias Mat Saad, 2016). Maka sebagai seorang muslim wajib percaya bahawa segala tindakan manusia diperhatikan oleh Allah SWT. Apabila merasa diperhatikan, manusia secara tidak langsung akan bertindak mengikut apa yang digariskan oleh Islam. Manusia merupakan khalifah di atas muka bumi.

Khalifah menurut pengertian yang dinyatakan dalam *Tafsir Pimpinan al-Rahman* ialah "Seorang yang dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengatur kehidupan manusia di bumi berdasarkan wahyu dan syariat Allah, supaya kehidupan manusia menjadi lebih teratur dan mempunyai tujuan hidup yang suci murni untuk mencapai keredhaan Allah". Hakikatnya, manusia dengan tujuan penciptaannya hanya semata-mata bertanggungjawab menerima, melaksana, dan menyampaikan apa yang diperintahkan oleh Penciptanya. Oleh itu, manusia sebagai khalifah sepatutnya menggunakan ilmu sebagai syarat utama dalam membangun ketamadunan dan teknologi moden.

Dalam fokus media penyiaran berteraskan Islam, maklumat yang disampaikan dan hasilnya perlu digunakan dengan cara yang baik dan bukannya untuk tujuan yang salah. Media seharusnya digunakan sebagai alat untuk memakmurkan alam dan bukannya digunakan untuk merosak atau memusnahkan alam. Seorang khalifah dipertanggungjawabkan dengan suatu amanah yang besar untuk mengatur kehidupan manusia berdasarkan wahyu dan syariat Allah agar kehidupan manusia teratur serta menuju keredhaan Allah SWT (Sheikh Abdullah Basmeih, 1999). Oleh itu, pengawalan dan pengurusan dalam media juga penting dalam menyampaikan impak kepada masyarakat.

Manusia diamanahkan supaya melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Contohnya, pelaku media penyiaran dan institusi media penyiaran perlu memastikan kandungan di dalam penyampaian mereka menjurus kepada perkara kebaikan begitu juga dengan gambar-gambar yang dipaparkan haruslah menepati ciri-ciri syarak dan tidak berunsurkan maksiat (Musa Ibrahim, 2012). Seorang khalifah juga boleh menggunakan kuasa politiknya dengan menggunakan media sebagai agen dakwah. Pelbagai saluran dakwah berasaskan media boleh digunakan seperti media pengiklanan, media cetak, media elektronik, media penyiaran, media suara dan multimedia. Media massa seperti radio dan televisyen juga memainkan peranan dalam aktiviti menyampaikan dakwah secara lebih berkesan memandangkan kedua-dua medium dakwah ini mempunyai liputan yang meluas dalam masyarakat khususnya dalam kalangan remaja. Perkara tauhid ini berkait dengan tahap keimanan seseorang muslim dalam segala tindakan dalam kehidupannya, tidak terlepas walaupun sedikit termasuklah media penyiaran.

Media penyiaran dan isinya amat berkait rapat dengan keimanan seseorang yang melakukan reka cipta dan penghasilan teknologi tersebut. Sebagai contoh, jika berlaku bencana, pengamal media menyampaikan maklumat kepada manusia dengan masa yang singkat walaupun jauhnya beribu batu.

Jika individu tersebut berpegang teguh pada syariat Islam, dia akan dapat berfikir tentang kekuasaan Allah SWT menurunkan bencana sebagai ujian dan peringatan. Oleh itu, media penyiaran berteraskan Islam seharusnya berlandaskan tauhid agar hasilnya membuahkkan lagi kecintaan dan ketundukan manusia kepada Allah SWT.

## 2. Syariah

Syariah bertanggungjawab memandu manusia dalam segala urusan yang dilakukan mengikut *maqasid al-shar'iah*. *Maqasid al-shar'iah* memelihara lima perkara iaitu pertama, memelihara agama; kedua, memelihara akal fikiran; ketiga, memelihara keturunan; keempat, memelihara nyawa; dan kelima, memelihara harta benda. Oleh itu, apa sahaja bentuk media boleh dilaksanakan selagi ianya tidak bercanggah dengan perkara-perkara yang dilarang oleh syariat Islam termasuklah media penyiaran. Kebebasan dalam media adalah kebebasan terpimpin, bukannya kebebasan secara mutlak. Bagi media penyiaran berteraskan Islam keseluruhannya, syariah diperlukan untuk membebaskan minda manusia agar tidak mudah menerima sesuatu berita tanpa diselidiki terlebih dahulu. Dengan realiti TV pada hari ini yang tidak hanya dijadikan medium untuk menyebarkan maklumat, malah berperanan sebagai agen mendidik, membujuk dan menghibur, maka media penyiaran berteraskan Islam semakin menjadi keperluan (Md Rozalafri Johori dan Megat Al-Imran Yasin, 2014). Malah, peranan TV lebih besar dan hebat daripada itu, kerana ia merupakan medium dakwah dan pembentuk akhlak dan pemikiran masyarakat. Ini bertepatan dengan matlamat media penyiaran berteraskan Islam iaitu untuk mencapai kemajuan kehidupan melalui keseimbangan rohani dan material. Rancangan yang disiarkan seharusnya memberi impak kepada masyarakat dan bersesuaian dengan Islam bermula daripada sumber perolehan idea, berita, maklumat, dan sebagainya. Oleh itu, manusia bebas menggunakan akal mereka untuk melakukan pembangunan yang tidak melanggar syariah.

Islam mengharuskan penggunaan media yang bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat umum. Islam membolehkan umatnya menerima dan menggunakan apa jua media asalkan ia tidak membawa kepada maksiat dan memberikan manfaat. Walau bagaimanapun, sekiranya media tersebut menyebabkan manusia lalai daripada mengingati Allah SWT serta meruntuhkan nilai kemanusiaan, maka peringatan dan panduan seharusnya diberikan kepada pengamal media tersebut agar tidak tersasar jauh daripada matlamatnya.

Kepentingan awam menjadi teras kepada kestabilan politik, penguatan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kemantapan taraf pendidikan dalam sesebuah negara. Dalam konteks negara Islam, kerajaan memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan kepentingan awam demi menjaga keselamatan dan kemakmuran supaya tidak wujud unsur-unsur subversif yang boleh menjejaskan keamanan negara. Untuk itu, media penyiaran berteraskan Islam perlu menggunakan media sebagai alternatif dalam mengukuhkan politik dan ekonomi negara, negeri dan Islam selain membina dan mendidik minda masyarakat.

## 3. Akhlak

Tauhid dan syariah tidak sempurna tanpa akhlak. Ketiga-tiga perkara ini merupakan satu kesepaduan yang menguatkan Islam. Akhlak adalah sifat *mahmudah* dan merupakan salah satu tunjang institusi media dalam pembangunan media Islam. Sifat *mahmudah* ialah sifat yang terpuji dan mesti dipraktikkan oleh individu muslim dalam kehidupan. Individu yang mempunyai sifat

*mahmudah* ini akan menyebar luaskan dan menyemarakkan kebaikan di mana sahaja mereka berada tidak kira secara lisan, gerak fizikal juga menggunakan media.

Oleh itu, media penyiaran berteraskan Islam perlu menginstitusikan sifat *mahmudah* kepada masyarakat. Penginstitusian ini tidak terhad kepada sekolah dan universiti tetapi menggunakan segala bentuk media yang membentuk intelektual manusia sehingga membudayakan sifat *mahmudah* dalam kehidupan. Institusi media merupakan salah satu penyumbang untuk merealisasikan pembangunan media Islam. Media dijadikan medium dalam menyampaikan maklumat dan dakwah, mengajak kepada kebaikan dan mencegah keburukan (*amr makruf nahi mungkar*). Institusi media yang bertunjangkan tauhid, syariah dan akhlak memberikan kekuatan dalam melaksanakan pembangunan berteraskan Islam. Firman Allah SWT dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*“Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, dan jika engkau tidak melakukannya iaitu dengan menyampaikan semuanya, maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusan-Nya. Dan Allah SWT jualah yang akan memeliharaku dari kejahatan manusia. Sesungguhnya Allah SWT tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir.”* (al-Maidah: 67)

Individu-individu yang terbentuk dengan sifat *mahmudah* akan berlapang dada dan menghormati pandangan orang lain serta mengutarakan hujah-hujah yang bernas dengan tujuan mencari keredhaan Allah SWT. Dengan adanya pelbagai kaedah penyampaian media masa kini, institusi media penyiaran bertanggungjawab dalam menyampaikan kebenaran dan memberi kefahaman Islam yang sebenar dan menyeluruh berteraskan panduan al-Qur'an dan Hadith kepada audien atau individu. Pelaku media juga perlu memahami tasawur pembangunan berteraskan Islam itu sendiri bagi memberikan konsep yang jelas dalam penyampaian media mereka. Hasilnya nanti, barulah selari dengan apa yang dikehendaki syariat Islam.

Pembangunan media penyiaran berteraskan Islam bukanlah hanya kepada pembangunan fizikal semata-mata, tetapi juga merangkumi pembangunan kognitif, emosi, sosial dan rohani (Mazni Buyong dan Rozilawati Ismail, 2010). Kesepaduan kelima-lima pembangunan ini menghasilkan sebuah pembangunan yang mantap dan bertepatan dengan apa yang dikehendaki dalam Islam. Dengan adanya media sebagai medium penyampaian, secara tidak langsung ianya membantu dalam pembangunan berteraskan Islam ini. Pembangunan kognitif merupakan proses di mana individu berkembang dari aspek pengetahuan dan keupayaan untuk membuat persepsi, berfikir, memahami dan menggunakan kemahiran dalam menjalani kehidupan.

Perkara yang amat berkait dengan pembangunan ini ialah tuntutan menuntut ilmu dan berfikir. Islam jelas menuntut penganutnya agar menuntut ilmu. Ini boleh dilihat dari banyak ayat-ayat al-Qur'an mahupun hadis yang menekankan agar kita menuntut ilmu dan meletakkan orang yang berilmu lebih tinggi kedudukannya dari mereka yang tidak berilmu. Islam juga menggalakkan penganutnya agar menggunakan akal fikiran dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Media berperanan dalam menyampaikan ilmu agar difahami audiens. Media tidak hanya kepada alat elektronik dan bercetak sahaja, pendidik iaitu manusia sendiri juga merupakan media (Azhar Arsyad, 2002).

Kemudian diikuti dengan pembangunan rohani untuk melahirkan jiwa yang ada rasa taqwa. Dengan ilmu yang dimiliki, keimanan akan dapat ditingkatkan seiring dengan taqwa. Ketiadaan jiwa yang bertakwa akan mengakibatkan fungsi akal dan fizikal menjadi pincang. Media menjadi medium

kepada penyampaian ilmu dan mengelakkan perkara-perkara yang boleh merosakkan pemikiran masyarakat. Oleh itu pembangunan kerohanian ini menjadi asas kepada keseluruhan pembangunan.

Pembangunan sosial pula merupakan satu proses perkembangan di dalam hubungan antara manusia dengan persekitarannya. Faktor sosial dan budaya merupakan pengaruh penting dalam kehidupan manusia. Keluarga, jiran, masyarakat dan seluruh umat merupakan keadaan persekitaran di mana individu boleh dipengaruhi ataupun mempengaruhi. Justeru itu Islam menggalakkan agar umatnya saling kenal mengenal antara satu sama lain. Syariat Islam juga telah mengatur bagaimana cara kita menjalin hubungan sesama kita seperti dalam adab-adab pergaulan di dalam keluarga, jiran tetangga dan masyarakat persekitaran. Tuntutan syariat agar kita saling kasih mengasihani, hormat menghormati, tolong menolong adalah intipati kepada pembangunan sosial ini. Saranan dan program-program kemasyarakatan disampaikan melalui media sama ada melalui media penyiaran, media pengiklanan, media cetak dan media elektronik membantu dalam proses pembangunan sosial ini.

Pembangunan fizikal pula adalah pembangunan infrastruktur dan juga ekonomi. Seiring dengan pembangunan kognitif, emosi, sosial dan rohani, pembangunan fizikal tidak boleh dipandang mudah. Kelemahan pembangunan fizikal iaitu teknologi media penyiaran akan menjadikan umat Islam tidak mampu membina tamadun yang gemilang dan juga menghalang mereka dari melaksanakan ibadah-ibadah tertentu.

Ajaran Islam tidak menegah manusia daripada melaksanakan kegiatan teknologi. Teknologi yang difokuskan dalam kajian ini ialah media. Perkara ini telah dibincang, dibahas, dan disepakati oleh ulama dan saintis Muslim. Bukti-bukti daripada nas al-Quran juga menunjukkan tiada halangan bagi manusia untuk menimba ilmu pengetahuan dan mengaplikasikan ilmu-ilmu sains dalam pembangunan. Bahkan ianya digalakkan dan hukum meneroka dan mengaplikasikan teknologi untuk kemaslahatan umat manusia adalah fardhu kifayah.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, media penyiaran berteraskan Islam sememangnya memainkan peranan penting dalam proses membentuk minda dan karakter masyarakat. Media penyiaran berteraskan Islam ini perlu dibangunkan dengan lebih serius dan aktif. Davies (1989) menegaskan bahawa terlalu sedikit usaha yang dilakukan oleh institusi media penyiaran Islam untuk memberi khidmat kepada masyarakat muslim khususnya, dan masyarakat negara seluruhnya. Tidak dapat dinafikan bahawa media massa terutamanya media penyiaran dapat memberi kesan yang mendalam dalam mempengaruhi sosiobudaya masyarakat Islam terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, media penyiaran berteraskan Islam seharusnya diolah kembali tasawur dan kefahaman agar dapat dibezakan dengan media penyiaran global masa kini. Stesen-stesen TV kerajaan mahupun swasta disarankan agar lebih proaktif dan memberi lebih banyak ruang kepada rancangan-rancangan yang berteraskan Islam melalui media penyiaran berteraskan Islam itu sendiri.

## **Bibliografi**

Ahmad Ikram Abdullah (1997). Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam: Pendekatan Pengalaman Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Simposium Pembangunan Berteraskan Islam* anjuran Universiti Sains Malaysia.

- Alan Hancock (1970). *Mass Communication*. Longman Group Limited, London.
- Astro AWANI (2013, 14 Disember). *Semua Ajaran Syiah Di Malaysia Adalah Menyeleweng – JAKIM*. Diakses daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-ajaran-syiah-di-malaysia-adalah-menyeleweng-jakim-26941> pada 20 September 2016.
- Berita Harian (2015, 24 Ogos). *Didik Rakyat lebih Beradab Luah Pandangan*. Diakses daripada <http://www.bharian.com.my/node/76879> pada 18 september 2016.
- Christine Beckert (1992). *Getting Started in Mass Media*. NTC Publishing Group, Amerika Syarikat.
- Eduard Depari dan Colin MacAndrews (1978). *Peranan Komunikasi Massa Dalam Pembangunan*. Gadjah Mada University Press. Yogyakarta
- Ismail Yusoff & Shukri Ahmad (2001). *Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV : Ulama Pemacu Transformasi Negara*, hlm. 218-224.
- Everette M. Rogers. (1986). *Communication Technology: The New Media in Society*. The Free Press, New York.
- Hamzah Hamdani (1982). *Media Massa dan Peranannya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Harakah Daily (2015, Januari 11) Ramai Kecam Gadis Bertudung Dipeluk artis Lelaki K-Pop. Diakses daripada <http://www.harakahdaily.net.my/index.php/berita-utama/33182-ramai-kecam-gadis-bertudung-dipeluk-artis-lelaki-k-pop> pada 6 November 2016
- Hussain Unang, (1994). *Kamus at-Tulab*. Dar al-Fikr. Kuala Lumpur
- JB Wahyudi, (1994). *Dasar-Dasar Manajemen Penyiaran*. PT Gramedia . Jakarta, Indonesia.
- Kamus Dewan*. ed ke-4 (2007). Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur.
- L. John Martin, Amju Grover Chaudry terjemahan Bukhory Ismail (1997). *Sistem Media Massa Suatu Perbandingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Lawrence Grossberg, Ellen A Wartella, D. Charles Whitney, J. Macgregor Wise (2006). *MediaMaking: Mass Media in Popular Culture*. Sage Publications Inc. California. USA. 2nd Edition
- Mahayudin Haji Yahaya (1986), *Islam dan Pembangunan Negara.*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Marzuki Sepiaail, Raja Fakhrihan Mohd Shukri, dan Alias Mat Saad (2016). *Komunikasi dan Penyiaran Dalam Islam*. Siri Politeknik. Oxford Fajar, Kuala Lumpur.
- Melvin L. De Fleur dan Sandra Ball-Rokeach terjemahan Noor Bathi Badarudin (1988). *Teori Komunikasi Massa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mohd Nasran Mohamad (2009). "Kerangka Media Menurut Perundangan Islam", dalam Mohd Safar Hashim dan Zulkiple Abd Ghani. *Komunikasi Di Malaysia: Satu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*. Institut Islam Hadhari, Bangi, Malaysia
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2012). *Perhubungan Media di Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Monika @ Munirah Abd Razzak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim dalam Ariffin, Khadher Ahmad, Ishak Hj. Suliaman, Sedek (2014) *Tajdid in Qur'anic Studies*. Department of al-Quran and al-Hadith, APIUM.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang; Penerbit Universiti Sains Malaysia.



- Muhammad Syukri Salleh (2005). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur; Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Musa Ibrahim (2012). Media and Religious Engagement: Shaykh Seebaway Zakaria and Ghanaian Broadcasting Media in *Annual review of Islam in Africa*. Issue No 11. University of Cape Town.
- Paul Proctor (2007). *Cambridge International Dictionary of English*. Cambridge University Press. United Kingdom.
- Sinar Harian (2015, 15 Disember). *Gunakan Media Sosial Untuk Kebaikan*. Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/nasional/gunakan-media-sosial-untuk-kebaikan-1.462271> pada 18 September 2016.
- Thomas W. Cooper, (1989). *Communication Ethics and Global Change*. Longman. White Plains, New York.
- Utusan Malaysia (2013, 27 Julai). *Ambil Tahu Bahaya Penyebaran Ajaran Syiah Di Malaysia*. Diakses daripada [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130727/re\\_02/Ambil-tahu-bahaya-penyebaran-ajaran-Syiah-di-Malaysia](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130727/re_02/Ambil-tahu-bahaya-penyebaran-ajaran-Syiah-di-Malaysia) pada 20 September 2016.